

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT HARGAI KERJASAMA MEDIA DI NEGERI SEMBILAN

SEREMBAN, 25 MAC 2022 – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) menzahirkan rasa terima kasih kepada pengamal media di Negeri Sembilan atas kerjasama dan sumbangan yang telah diberikan dalam menyampaikan maklumat serta penerangan jelas berkenaan isu-isu berkaitan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada masyarakat sempena perlawanan Boling Persahabatan SWM Environment bersama Media Negeri Sembilan 2022, hari ini.

Pengurus Besar Korporat, SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Haji Mohd Nordin berkata saluran media massa tidak kira tradisional, konvensional mahupun media sosial merupakan nadi dan tulang belakang bagi SWM Environment dalam menyampaikan maklumat ke arah membudayakan kelestarian alam sekitar bagi meningkatkan kesedaran orang awam mengenai gaya hidup dan amalan pengurusan sisa secara lebih 'hijau' melalui amalan kitar semula di bawah program KITARecycle.

“Kerjasama dan sokongan berterusan dalam menyampaikan informasi, oleh pengamal media di Negeri Sembilan ini telah memberi impak yang besar dalam kelancaran operasi syarikat terutamanya dari segi pelaporan maklumat yang jelas dan tepat berkaitan isu-isu kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang menjadi tumpuan utama masyarakat di negeri ini. Media kini telah menjadi ejen transformasi minda di kalangan masyarakat dalam usaha kerajaan mewujudkan komuniti yang prihatin kepada pemeliharaan dan kelestarian alam sekitar”

Tambahnya lagi, dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, yang mendorong ke arah era pendigitalan telah merancakkan medium media elektronik yang lebih pantas dan mudah dalam melaporkan isu-isu semasa. Lambakan media sosial turut mewujudkan dunia tanpa sempadan sehingga maklumat tidak sahah mudah ditularkan yang boleh menyebabkan penyebaran maklumat palsu. Justeru, pelaporan telus dari pihak pengamal media amat penting dalam memastikan kesahihan sumber berita yang tepat dan benar.

Selain itu, SWM Environment turut menghargai pengamal media yang telah menyertai program kitar semula berganjaran SWM Environment iaitu program KITARecycle sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2018. Penglibatan pihak media dalam program ini amat disambut baik dan memberikan impak positif dalam meningkatkan kadar kitar semula negara di samping mengurangkan keperluan sisa yang dijana dihantar ke tapak-tapak pelupusan.



Melalui kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh pengamal media dalam melaksanakan hebahan program KITAREcycle, Negeri Sembilan telah berjaya mencatatkan peningkatan jumlah kutipan barangan kitar semula sehingga 100 peratus berbanding tahun sebelumnya. Pada tahun 2021, sebanyak 66,675-kilogram barangan kitar semula berjaya dikumpul berbanding dengan hanya 33,281-kilogram pada tahun 2020 dengan jumlah pendaftaran ahli seramai 4,743 setakat Disember 2021.

Oleh itu, peranan media amat penting dalam menyokong usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta terutamanya dalam usaha mentransformasikan minda rakyat ke arah kehidupan lestari.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

MENGENAI KITARECYCLE

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan KITAREcycle, program kitar semula berganjaran di tiga negeri wilayah Selatan Semenanjung Malaysia iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Program KITAREcycle bertujuan untuk menggalakkan orang ramai melaksanakan aktiviti kitar semula dan berpeluang mengumpul mata ganjaran (Recycling Point = RP) yang boleh ditebus kepada wang tunai melalui perbankan dalam talian. Program KITAREcycle menerima lebih 25 jenis barangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui Apple App Store dan Google Play Store. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.



SWM ENVIRONMENT

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com